

Bahagian A

Jawab semua soalan daripada bahagian ini.
Tulis jawapan anda pada ruang jawapan yang disediakan.
(60 markah)

1. (a) Gambar 1 menunjukkan faktor pengeluaran dalam ekonomi.



Gambar 1

Terangkan faktor pengeluaran yang terlibat dalam kegiatan ekonomi di atas. (5 markah)

- (b) Jelaskan ciri-ciri sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia. (5 markah)

(c) Huraikan masalah asas ekonomi yang berikut:

(i) Apa barang yang hendak dikeluarkan? (2 markah)


(ii) Bagaimana barang hendak dikeluarkan? (2 markah)

(d) Jadual 1 menunjukkan penawaran dan permintaan terhadap buah tembikai.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)	Kuantiti ditawarkan (kg)
3	30	10
5	25	15
7	20	20
9	15	25
12	10	30

Jadual 1

(i) Lukis keluk keseimbangan pasaran buah tembikai. (5 markah)



ii) Tentukan harga keseimbangan buah tembikai. (1 markah)

- 
- FREE**
Back Pack + Antivirus
McAfee 3 Year
(1 User)
- SAVE**
RM **50**
- REBATE CASH**
RM **500**
- Monthly Price
RM 95
x 60 months
- | | |
|----------------|----------------|
| Promo Price | Usual Price |
| RM 3249 | RM 3299 |

Jelaskan fungsi wang yang terlibat .

[illegible]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan oleh Zaki.

Zaki tinggal di Arau Perlis , memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia. Beliau telah menerima tawaran sebagai Pegawai Eksekutif di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang bertempat di Kangar Perlis. Gaji yang ditawarkan adalah sebanyak RM 2,200.00 sebulan.

Pada pendapat anda, apakah faktor Zaki menerima pekerjaan tersebut?

(4 markah)

(c) Maklumat menunjukkan pendapatan, pendapatan boleh guna dan perbelanjaan Siti untuk bulan Januari.

Butiran	RM
Pendapatan	4 500
Pendapatan boleh guna	3 000
Sewa rumah	600
Hiburan / Rekreasi	400
Sumbangan kepada ibu bapa	300
Kesihatan	300
Ansuran kereta	500
Bil utiliti	300
Makanan	600

Siti berhasrat untuk mengambil pakej percutian pada bulan Disember bernilai RM 1 500. Sediakan penyata belanjawan peribadi yang sistematik supaya Siti dapat merealisasikan impiannya.

(6 markah)

Butiran	RM	RM

(d) Terangkan tiga faktor yang mempengaruhi produktiviti . (5 markah)

3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah pengangguran di Malaysia.

Pada era globalisasi ini, sering kali kita mendengar masalah pengangguran dalam kalangan golongan siswazah. Mengikut Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pengangguran dalam kalangan belia di Malaysia dicatatkan tertinggi iaitu sebanyak 10.7% pada tahun 2015. Fenomena lebihan penawaran dalam kalangan siswazah meruncing apabila mereka gagal menempatkan diri dalam industri.

Sumber: dipetik dan diubah suai daripada petikan "Pengangguran pembaziran sumber tenaga" Berita Harian, 20 Januari 2018.

Terangkan jenis pengangguran dalam sumber di atas?

(2 markah)

- (b) Apakah faktor yang menyebabkan ekonomi sesebuah negara berkembang maju? Jelaskan. (6 markah)

- c(i) Gambar 3 menunjukkan salah satu logo sebuah syarikat multinasional.



Gambar 3

Apakah ciri- ciri syarikat tersebut ?

(3 markah)

- (ii) Bagaimanakah globalisasi mempengaruhi perkembangan firma tersebut?

(5 markah)

(d) Jelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa yang berikut:

(i) Menggalakkan pelaburan (2 markah)

(ii) Menambah peluang pekerjaan (2 markah)

Bahagian B

Jawab dua (2) soalan dari bahagian ini.

Tuliskan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
(40 markah)

4. (a) Kehendak manusia yang tidak terbatas menyebabkan manusia perlu membuat pilihan. Jelaskan hujah anda. (6 markah)
- (b) Dengan menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) , jelaskan bagaimana sebuah firma menyelesaikan masalah kekurangan dan pilihan. (9 markah)
- (c) Terangkan maksud konsep kos lepas yang semakin meningkat. (5 markah)
5. Berikut merupakan satu iklan yang berkaitan dengan kaedah pembayaran bagi sebuah set meja makan.



SET MEJA MAKAN

- Harga tunai sebuah set meja makan ialah RM 4000.00.
- Harga ansuran selama dua belas bulan; RM 450.00 sebulan.

- (a) Hitung jumlah faedah yang akan dikenakan jika pengguna memilih bayaran secara ansuran. (4 markah)
- (b) Jika anda berhasrat untuk membeli set meja makan, apakah kaedah pembayaran yang akan anda lakukan. Beri justifikasi pilihan anda. (7 markah)
- (c) Maklumat di bawah berkaitan suatu situasi kewangan akibat pengurusan pembayaran yang tidak terancang.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata, sejak 2013 hingga 2017, seramai 100,610 rakyat diisytiharkan mufliis dan 60 peratus daripada mereka berusia antara 18 hingga 44 tahun. Golongan belia yang menghadapi cabaran kewangan yang serius, dan bakal pesara perlu mengambil berat mengenai rancangan perbelanjaan mereka,” katanya.

Ubahsuai dari : My Metro Isnin, 4 Mac 2019 @ 11:23 Am

Sebagai pengguna yang bijak, bagaimanakah masalah tersebut diatasi. Bincangkan.

(9 markah)

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan situasi yang berlaku di Malaysia.



- (a) Jelaskan situasi tersebut? (3 markah)
- (b) Jelaskan alat dasar kewangan yang digunakan oleh kerajaan bagi menangani masalah di atas . (8 markah)
- (c) Bagaimanakah alat di (b) memberi kesan kepada objektif makroekonomi negara? (9 markah)
7. Maklumat berikut berkaitan dengan satu pelaksanaan sekatan perdagangan antarabangsa oleh kerajaan.

Kerajaan memberi subsidi terhadap tepung gandum keluaran tempatan.

- (a) Bagaimana tindakan tersebut dapat membantu pengeluar tepung gandum tempatan. (4 markah)
- (b) Dengan bantuan gambarajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran tepung gandum tempatan. (7 markah)
- (c) Tindakan kerajaan tersebut lebih menguntungkan pihak pengguna berbanding pihak pengeluar. Bersetujukah anda dan kemukakan alasan yang sesuai. (9 markah)

